

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Second Semester Examination  
Academic Session 2003/2004

February/March 2004

**RMT 557 – Construction Management, Facilities Management & Occupancy**  
*(Pengurusan Pembinaan, Pengurusan Kemudahan & Kependudukan)*

Duration: 3 hours  
(Masa: 3 jam)

---

Please check that this examination paper consists of **FOUR** pages of printed material before you begin the examination.

*(Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.)*

**Instructions:** Answer **FOUR** questions only.  
**(Arahan:** Jawab **EMPAT** soalan sahaja).

1. Identify and discuss the duties of a site manager working on:

- (a) a traditional site
- (b) a management contract site
- (c) a construction design and built

In cases (ii) and (iii) the site manager may be defined as the person in charge of managing the contract or construction management activities on site.

*Kenalpasti dan bincangkan tugas-tugas pengurus tapak yang sedang bertugas di:*

- (a) satu tapak tradisional
- (b) satu tapak pengurusan kontrak
- (c) satu tapak rekabentuk dan bina

*Dalam kes (ii) dan (iii) pengurus tapak ditakrifkan sebagai seorang yang bertanggungjawab terhadap aktiviti mengurus kontrak atau pengurusan binaan di tapak.*

( 25 marks/markah )

2. Many building organisation operate a flexible plant acquisition policy by owning some items of plant and hire others. Discuss the implication of such a policy for plant management at site level.

Evaluate the impact that mechanical handling has had upon the building process. What change had been observed as a result of the greater use of mechanical plant?

Discuss the role and contribution of the plant hire companies in the construction industry.

*Kebanyakan organisasi binaan mempunyai polisi perolehan loji yang fleksibel dengan memiliki beberapa jenis loji dan menyewa yang lain. Bincangkan implikasi polisi sedemikian terhadap pengurusan loji di tahap tapak.*

*Nilaikan impak penggunaan jentera mekanikal terhadap proses binaan. Apakah perubahan yang boleh diamati hasil daripada peningkatan penggunaan loji mekanikal?*

*Bincangkan peranan dan sumbangan syarikat sewa loji binaan dalam industri binaan.*

( 25 marks/markah )

3. The responsibility of purchasing building materials may be vested in the site management or in its central buying department. Discuss.

Discuss ways and means of overcoming a situation where there is no space exist outside the building area on a congested city site, in relation to:

- (a) Material delivery
- (b) Material storage

Outline the precautions to be taken on a building site to minimise the wastage and loss of materials.

*Tanggungjawab membeli bahan-bahan binaan mungkin boleh diletakkan kepada pengurusan tapak atau bahagian pembelian pusat. Bincangkan.*

*Bincangkan cara-cara bagaimana mengatasi keadaan yang tidak mempunyai ruang di luar kawasan bangunan yang terletak dalam satu kawasan bandar yang sibuk berhubung dengan perkara-perkara berikut:*

- (a) Penghantaran bahan
- (b) Penyimpanan bahan

*Gariskan langkah-langkah yang perlu diambil di atas tapak bina untuk meminimakan pembaziran dan kehilangan bahan-bahan.*

( 25 marks/markah )

4. (a) "Outsourcing non-core activities is a form of contract purchasing".

What could be the reasons for:

- (i) outsourcing
- (ii) not outsourcing

*"Sumber luaran aktiviti-aktiviti bukan teras adalah satu bentuk pembelian kontrak".*

*Apakah sebab-sebab untuk:*

- (i) sumber luaran
- (ii) bukan sumber luaran

- (b) In the case of large property-owning organisations, it is essential to adopt a systematic approach to the overall building maintenance management. Briefly discuss.

*Didapati bahawa di dalam kes organisasi yang banyak memiliki harta benda, adalah amat perlu untuk menggunakan pendekatan sistematis pada keseluruhan pengurusan senggaraan bangunan. Bincang dengan ringkas.*

( 25 marks/markah )

5. "Benchmarking is a tool for supporting a process of continuous improvement". Atkin & Brooks, 2000.

Explain the advantages of benchmarking improved customer services in an organisation you are familiar with.

"Tanda aras (ukur rujuk) adalah alat untuk menyokong proses penambahbaikan selanjar". Atkin & Brooks, 2000.

Nyatakan kebaikan tanda aras menambahbaik perkhidmatan pelanggan dalam satu organisasi yang anda tahu.

( 25 marks/markah )

6. "As facility managers we need to understand the ways in which our client organization are changing".

Describe FIVE ways in which client organization may be changing, outlining the possible reasons for these changes.

"Sebagai pengurus kemudahan kita perlu memahami cara-cara organisasi klien sentiasa berubah".

Nyatakan LIMA kaedah di mana organisasi klien mungkin berubah, dengan memberi garis kasar sebab-sebab perubahan itu.

( 25 marks/markah )